

Mengampunkan Pengganas?

Suatu cadangan telah terbit daripada Tengku Abdul Rahman Putra Yang di-Pertua Agung UMNO dan kemudian disokong oleh Sir Cheng Lock Tan Yang Yang di-Pertua MCA untuk menghantarkan mereka ke hutan bagi meminta persetujuan pengganas-pengganas supaya mereka keluar dari hutan-hutan merentikan perlawanan mereka dan mana-mana yang mahu balik ke negeri China akan dihantarkan balik dan mana-mana yang mahu tinggal dibenarkan hidup di dalam masyarakat bersama-sama rakyat am. Cadangan ini adalah ditujukan sebagai salah satu ikhtiar untuk memberhentikan darurat yang ada yang telah memakan banyak belanja yang menjadi juga suatu beban yang sangat-sangat berat kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sekali imbas cadangan ini ada banyak baiknya dan boleh dijalankan tetapi jika dihalusi maka sudah barang tentu cadangan itu seperkara yang sia sahaja-tidak ada membawa sesuatu faedahpun bahkan harus cadangan itu sebagai suatu langkah yang lebih merbahaya daripada keadaan sekarang.

Kita mesti mengkaji bahawa langkah-langkah yang dijalankan pengganas itu adalah ia sebagai menjalankan suatu tujuan faham yang hendak dijalankan mereka di negeri ini iaitu menuju sebuah kerajaan komunis di Malaya di bawah perintah Soviet dan China komunis - yang bermakna bahawa segala langkah-langkah yang dijalankan mereka adalah mendirikan suatu faham yang diperintahkan oleh Moscow dan Peking supaya dijalankan-jika tidak dapat dengan cara memasuki jiwa rakyat maka hendaklah dengan perlawanan senjata bagaimana yang ada sekarang ini.


Walaubagaimanapun untuk menyampaikan tujuan perintah-perintah itu, mereka tidak akan memberhentikan perjuangan mereka. Yang demikian itu bertambah-tambah lagi dengan kedudukan mereka yang telah ada di dalam pintu Malaya sekarang yakni setelah perintahan komunis telah tumbuh di dalam sebahagian besar daripada

Indo China dan untuk menyelenggara akan semuanya itu untuk Malaya maka pertalian yang lebih hampir untuk menjalankan perintah itu. Menurut pendapat kita tidak payah lagi menerusi negeri China atau terus dari Moscow tetapi memadai dengan melalui Indonesia di dalam mana telah berdiri kedutaan-kedutaan Soviet dan kerajaan Republik China yang disebut oleh Doktor Sukiman wakil ketua satu Masyumi iaitu tempat-tempat sarang pengakap sulit mereka untuk menjalankan tujuan-tujuan mereka menjadikan negara-negara di sini negara komunis yang diperintah tepat dari Moscow dan Peking.

Pengalaman-pengalaman yang ada di Indonesia wajiblah menjadi perhatian kita. Kekacauan di dalam masyarakat yang dilakukan mereka semata-mata ditujukan untuk menjadikan rakyat menderita supaya dengan penderitaan itu mereka mudah dipancing memasuki dan menyokong komunis. Penghinaan-penghinaan kepada agama tidak putus-putusnya dijalankan mereka sehingga orang-orang komunis telah berani memijak-mijak al-Quran kitab suci kita orang-orang Islam. Adakah yang lebih besar cabaran daripada segala perbuatan itu kalau mereka telah masuk ke dalam masyarakat?

Kejadian di Madiun adalah gambaran-gambaran yang lebih dekat lagi kepada kita bagaimana mereka tatkala hendak mendirikan kerajaan komuns di Indonesia dengan mengadakan perlawanan di Madiun. Ulama-ulama dan kiyai-kiyai telah telah disembelih dan jadi korban. Tidak syak bahawa mereka akan melakukan yang demikian itu juga kepada kita di Malaya kelak sebagaimana yang telah dibuat mereka kepada orang-orang Melayu di Batu Pahat dalam masa peralihan kerajaan sedikit masa yang lalu.

Selain daripada itu kepada siapakah Tengku akan berunding? Bolehkah ditentukan bahawa mereka akan memberhentikan perjuangan mereka? Bolehkah ditentukan bahawa mereka yang di hutan-hutan itu bukan orang-orang yang ada di dalam masyarakat kita yakni pekebun-pekebun penorah-penorah getah yang pada siang hari bekerja



Jawatankuasa "Persatuan Wartawan Melayu" tahun ini. Baris hadapan dari kiri:Saudara-saudara: Kamāluddīn, 'Abdul Ṣamad Isma 'il, Abū Zakī Fāḍil. Ramlī 'Abdul Hādī, dan Sayyid 'Umar al-Saqov. Barisan belakang dari kanan: Buyung 'Ādil, 'Abdullāh Ḥussīn, Maḥfūz Hamīd dan 'Uthmān Wowo'.

dan pada malamnya menjalankan tugas yang diwajibkan oleh Moscow? Bolehkah kita menjamin bahawa mereka berjuang itu adalah kerana kehendak mereka sahaja? Tidakkah mereka menjalankan langkah perjuangan itu dengan tenaga-tenaga yang kuat yang berdiri dibelakangnya orang-orang yang ada di dalam masyarakat kita yang berhubung langsung kerana menunaikan tugas yang diperintahkan dari Moscow?

Gambaran di Filipina juga menjadi suatu gambaran yang lebih tepat betapa sesianya untuk mengadakan perundingan pengganas-pengganas yang dianjurkan oleh komunis itu. Tiga kali telah diadakan percubaan tetapi tidak membawa faedah sinya tidak lain bahawa mereka berjuang kerana mendirikan faham mereka yang diperintahkan oleh ibu pejabatnya dari Moscow.

Dengan gambaran yang seperti ini dan pengalaman saudara-saudara

kita di Indonesia, maka sudah barang tentu kita umat Islam yang mempunyai fahaman pula tidak akan mahu diperalat oleh faham-faham lain dan kerana itu kita yakin umat Islam umumnya yang telah mengetahui bahawa komunis itu musuh Islam dan musuh agama-agama tidak lain jalannya hanya usaha-usaha untuk mengikis fahaman itu daripada tanah air kita dengan menjalankan terus usaha-usaha yang dijalankan dengan kita berharap pula bahawa jabatan penerangan kerajaan memberikan secukup-cukup fahaman kepada umat Islam apa ertinya komunis yang berpegang semata-mata kepada kebenaran itu kepada kita dan kerajaan mustahak meminta ulama-ulama kemuka untuk mengingatkan kita bersama akan merbahayanya komunis itu dan menerangkan hukum Islam terhadapnya sebagaimana yang telah difatwakan oleh ulama-ulama di Indonesia dan telah difatwakan oleh ulama Masyumi di dalam muktamarnya yang baharu-baharu ini di Surabaya.